



GARIS PANDUAN

PELANTIKAN ELITE UNTUK PROGRAM *EXPERIENTIAL LEARNING BY INDUSTRY
AND TECHNOCRAT AT UNIVERSITI MALAYA* (ELITE@UM)

2026
VERSI 2

Pusat Pembelajaran Integral

Centre for Integral Learning

Hak Cipta Terpelihara

Pusat Pembelajaran Integral (CITRA)

E-mel: citra@um.edu.my, citra_elite@um.edu.my

SEJARAH DOKUMEN

BIL	VERSI	REKOD PINDAAN SENAT	TARIKH KUAT KUASA
1	1	Pengemaskinian merangkumi: Penyelarasan dengan usaha membangunkan UM Industry Talent Management Framework yang merangkumi semua jawatan berkaitan industri di Universiti Malaya. Selain itu, berdasarkan pelan strategik Program ELITE@UM yang telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Akademik & Antarabangsa, Bil.2/2024 pada 5 November 2024, program ELITE@UM akan ditumpukan kepada kualiti program dengan mempertimbangkan penyertaan tenaga pengajar dengan memberi keutamaan kepada individu yang mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang diceburi.	27.03.2025 Sem 2, Sesi Akademik 2024/2025
2	2	Pengemaskinian merangkumi: Pindaan kepada perkara 7(4)(a)(iv) - tempoh minimum penglibatan ELITE dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dipinda daripada sekurang-kurangnya dua (2) jam kepada sekurang-kurangnya enam (6) jam per semester (Kelulusan Jawatankuasa Kurikulum Pengajaran Universiti (JKPU) 2026).	2026

JADUAL ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Pengenalan	1
2	Objektif Program ELITE@UM	1
3	Skop	1
4	Peranan Utama dan Tanggungjawab	1
5	Dokumen Rujukan	2
6	Definisi	2
7	Kriteria Pelantikan dan Faedah	
	(1) Latar Belakang dan Kelayakan	2
	(2) Tempoh Pelantikan	2
	(3) Kemudahan/Sokongan	2
	(4) Tugas dan Tanggungjawab	3
	Carta Alir Pelantikan ELITE untuk Program Experiential Learning by Industry and Technocrat at Universiti Malaya (ELITE@UM)	4

1. PENGENALAN

Dokumen ini disediakan untuk memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam memahami semua perkara yang berkaitan dengan pencalonan dan pelantikan ELITE di Universiti Malaya (UM). Program Experiential Learning by Industry and Technocrat at Universiti Malaya atau ELITE@UM diperkenalkan untuk merapatkan jurang di antara industri dan institusi akademik ini.

2. OBJEKTIF PROGRAM ELITE@UM

- (1) Memberi peluang kepada pelajar dan ahli akademik dalam memperoleh pengetahuan praktikal dan pandangan dunia sebenar daripada pakar terkenal, pengamal industri dan pihak berkepentingan utama dalam industri dan bidang yang berkaitan.
- (2) Menggalakkan pembelajaran pengalaman melalui pengajaran yang berstruktur, bimbingan, aktiviti yang dipacu industri dan program yang menekankan pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan pembangunan kemahiran insaniah.
- (3) Meningkatkan kesediaan pelajar untuk peluang pekerjaan dan keusahawanan, memastikan mereka bersedia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja semasa dan masa hadapan.

3. SKOP

Pemakaian Garis Panduan Pelantikan ELITE untuk Program Experiential Learning by Industry and Technocrat at Universiti Malaya (ELITE@UM) adalah kepada tahap pengajian Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran/PhD.

4. PERANAN UTAMA DAN TANGGUNGJAWAB

- (1) ELITE (termasuk Karyawan Tamu) yang dilantik harus melaksanakan sekurang-kurangnya satu daripada peranan dan tanggungjawab berikut:
 - (a) Menyampaikan kuliah dan/atau dialog dan/atau menyelia sesi kemahiran praktikal/klinikal dalam bidang tertentu untuk kursus/keperluan kepada pelajar berdasarkan proforma kursus/topik yang disediakan oleh PTj.
 - (b) Menggalakkan pembelajaran pengalaman melalui pengajaran yang berstruktur, bimbingan, aktiviti yang dipacu industri dan program yang menekankan pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan pembangunan kemahiran insaniah.
 - (c) Memberi pengalaman dan nasihat pakar kepada pelajar mengenai realiti industri yang berkaitan dengan bidang mereka secara berterusan sepanjang tempoh penglibatan.
 - (d) Menyediakan peluang, sekiranya bersesuaian, untuk sesi bimbingan individu, latihan industri, atau pekerjaan tetap kepada pelajar cemerlang yang dikenal pasti oleh PTj, sambil membimbing laluan kerjaya pelajar dan membangunkan kemahiran khusus industri di peringkat tempatan dan global.
 - (e) Meningkatkan kesediaan pelajar dalam peluang pekerjaan dan/atau keusahawanan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja semasa dan masa hadapan.
- (2) Tertakluk kepada perkara di atas, bagi setiap sesi yang diadakan tidak boleh melibatkan sebarang elemen politik, perkauman dan ekstremisme, tidak menyentuh sensitiviti masyarakat serta tidak menjejaskan imej dan reputasi universiti.

5. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Garis Panduan Program Experiential Learning by Industry and Technocrat at Universiti Malaya (ELITE@UM).
- (2) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Strategik Akademik dan Antarabangsa (JKSAA) Bil.2/2024.

6. DEFINISI

Karyawan Tamu merujuk kepada tokoh/pakar bidang khusus (subject matter expert) dalam bidang kesenian (kebudayaan, kesusasteraan, muzik, drama, lukisan dan reka bentuk) yang diiktiraf kepakarannya.

7. KRITERIA PELANTIKAN DAN FAEDAH

(1) Latar Belakang dan Kelayakan

- (a) Seorang tokoh/pakar yang terkenal dan dihormati dalam industri yang berkaitan termasuk sektor awam, swasta dan profesional yang diiktiraf atas kepakaran, pengurusan atau kemahiran khusus dengan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman pekerjaan yang berkaitan dari tempoh pelantikan ELITE.
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan akademik di peringkat ijazah Sarjana Muda.

(2) Tempoh Pelantikan

- (a) Pelantikan adalah secara sambilan dan calon boleh dipilih dari kalangan individu tempatan atau antarabangsa.
- (b) Tempoh pelantikan adalah dua (2) tahun untuk kedua-dua calon tempatan dan antarabangsa. Bagi calon antarabangsa yang perlu mengendalikan sesi kelas secara fizikal, mereka mestilah mempunyai visa pekerjaan untuk bekerja di Malaysia.
- (c) Pelantikan boleh dilanjutkan tertakluk kepada kelulusan bertulis daripada Dekan/Pengarah Eksekutif/Pengarah.
- (d) ELITE yang dilantik tidak diberi bayaran honorarium sebagai usaha memperkukuh hubungan akademik-industri, memupuk budaya kesukarelawanan dan semangat memberi, serta untuk mereka menjadikan peranan ini sebahagian daripada memenuhi tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

(3) Kemudahan/Sokongan

Berikut merupakan kemudahan/sokongan yang disediakan kepada ELITE yang dilantik:

(a) Pusat Tanggungjawab (PTj)

- (i) Menyediakan pelan kerja pengajaran yang komprehensif yang berkaitan dengan hasil pembelajaran kursus, jadual waktu dan bahan-bahan lain yang relevan yang direka khas untuk ELITE.
- (ii) Menyediakan ruang pejabat, telefon dan komputer jika diperlukan.
- (iii) Memastikan bahawa ELITE menerima surat pelantikan.
- (iv) Memastikan bahawa ELITE, pelajar dan staf melengkapkan borang maklum balas (yang disediakan oleh CITRA) untuk menilai keberkesanan penglibatan industri.

(b) Pusat Pembelajaran Integral (CITRA)

- (i) Menyediakan Welcome Folder yang mengandungi profil UM dan nilai teras, nombor telefon pusat yang berkaitan di UM, serta peta kampus.
- (ii) Berfungsi sebagai penghubung di antara ELITE serta PTj Sentral seperti Jabatan Harta Benda (JHB) dan perpustakaan bagi tujuan akses kemudahan Universiti mengikut peraturan yang ditetapkan.

(c) Jabatan Sumber Manusia

Membantu dalam proses visa/pas perjalanan untuk calon antarabangsa, jika berkenaan.

(4) Tugas dan Tanggungjawab

Peranan pihak bertanggungjawab yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) Pusat Tanggungjawab (PTj)


- (i) Melantik ELITE yang memenuhi kriteria pelantikan yang ditetapkan dengan setiap pelantikan memerlukan kelulusan bertulis daripada Dekan/Pengarah Eksekutif/Pengarah. Pelantikan ELITE adalah untuk memperkukuh standard pengajaran dan memupuk budaya kecemerlangan dalam pendidikan.
- (ii) Melakukan semakan latar belakang calon yang ingin dilantik secara teliti bagi memastikan pelantikan tersebut tidak menjejaskan imej dan reputasi Universiti.
- (iii) Memastikan kursus teras Sarjana Muda di PTj masing-masing melibatkan industri melalui pelantikan ELITE. Pengecualian kepada Kursus Universiti termasuk Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU), Kursus SHE, Kursus Jalinan Masyarakat, Projek Penyelidikan, Latihan Industri dan Kursus Kaedah Penyelidikan.
- (iv) Memastikan ELITE terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sekurang-kurangnya enam (6) jam per semester. *(Kelulusan JKPU 2026)*
- (v) Memastikan ELITE menerima surat pelantikan seperti dijadualkan.
- (vi) Memastikan ELITE, pelajar dan staf melengkapkan borang maklum balas (disediakan oleh CITRA) untuk menilai keberkesanan penglibatan industri.
- (vii) ELITE bertanggungjawab untuk melaporkan dan menjawab kepada Ketua Jabatan bagi perkara yang berkaitan dengan kursus yang mereka terlibat.

(b) Pusat Pembelajaran Integral (CITRA)

- (i) Mengeluarkan surat pelantikan yang ditandatangani oleh Naib Canselor kepada ELITE dan mereka dikehendaki untuk memberi maklum balas pelantikan dalam tempoh dua (2) minggu selepas surat tawaran dikeluarkan.
- (ii) Mengurus dan memantau data berkaitan pelantikan ELITE dalam Sistem Repository Data Sentral.
- (iii) Menyediakan borang penilaian dengan kerjasama PTj dalam mengumpul maklum balas dan menilai kemajuan serta keberkesanan penglibatan industri.
- (iv) Mengeluarkan surat penghargaan setelah tempoh kontrak tamat dan surat pembaharuan untuk pelantikan semula, jika berkenaan.

CARTA ALIR PELANTIKAN ELITE UNTUK PROGRAM EXPERIENTIAL LEARNING BY INDUSTRY AND TECHNOCRAT AT UNIVERSITI MALAYA (ELITE@UM)

CARTA ALIR PELANTIKAN *ELITE* UNTUK PROGRAM *EXPERIENTIAL LEARNING BY INDUSTRY AND TECHNOCRAT AT UNIVERSITI MALAYA (ELITE@UM)*





Pusat Pembelajaran Integral (CITRA)
Universiti Malaya

